



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN
PERMAINAN HIJAU DIGITAL PERINGKAT
SEKOLAH PIALA DATUK BANDAR 2020 (SUKAN
ELEKTRONIK PENDIDIKAN HIJAU)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**05 JUN 2020 (JUMAAT)
2.30 PETANG**

**MEDIA LOUNGE
MENARA MBSP**

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Mohammad Shatar Bin Sabran

Naib Canselor

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Che Zalina binti Zulkifli

Ketua Projek Permainan Hijau Digital Sekolah

Daripada Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Yang Berbahagia Profesor Dr Mohd Fauzi Bin Sedon @ Mdon

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Yang Berusaha Pengarah Pendidikan Pulau Pinang

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Encik Goh Bak Yan

Pengarah Urusan AGCO GSI Sdn. Bhd. yang merupakan penaja pertandingan

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Universiti Pendidikan Sultan Idris

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Guru-Guru dan Murid-Murid Sekolah Yang Menyertai Permainan Pendidikan Digital Hijau

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul dalam Majlis Pelancaran Pertandingan Permainan Hijau Digital Peringkat Sekolah Piala Datuk Bandar 2020 di Media Lounge, Menara MBSP.

Hari ini kita melaksanakan pelancaran program melalui *Live Facebook* di mana Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Mohammad Shatar Bin Sabran, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris dan pasukan beliau akan menyaksikan Pelancaran Pertandingan Permainan Hijau Sekolah Piala Datuk Bandar 2020 melalui *Live Facebook* dari Universiti Pendidikan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Mohammad Shatar Bin Sabran, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris; Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Che Zalina binti Zulkifli dan pasukan beliau yang terdiri daripada pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan

Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi turut serta dalam program pada petang ini.

Kerjasama MBSP dengan UPSI telah terjalin sejak tahun lepas lagi dan ianya merupakan satu kerjasama strategik menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat dan menyumbang kepada pembangunan di Seberang Perai. Antara program kolaborasi yang telah dilaksanakan bersama MBSP ialah, penyediaan **Mural 3D** menggunakan bahan buangan, iaitu tudung botol minuman, untuk dijadikan sumber dalam menghasilkan karya seni; merekacipta dan menghasilkan alat **Economical Food Waste Composter** (EFWC) yang mempercepatkan proses pengkomposan bahan buangan organik atau sisa dapur; dan **Permainan Pendidikan Digital Hijau** yang bertujuan meningkatkan kesedaran, memperkasakan pendidikan ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai.

Program Pendidikan Hijau Digital adalah merupakan program pertama seumpama ini yang diperkenalkan di sekolah-sekolah di Malaysia. Ianya merupakan inovasi yang harus diberi penghargaan dan diperluaskan kesemua sekolah-sekolah di Malaysia. Kerjasama strategik atau *strategic alliance* MBSP dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), telah berjaya menterjemah teknologi kepada sesuatu yang bermanfaat untuk menyelesaikan isu-isu alam sekitar. Pendidikan Hijau Digital adalah merupakan hasil pelaksanaan Industri 4.0 di MBSP. Ucapan Tahniah dan sekalung penghargaan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). SYABAS! Khususnya kepada Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Che Zalina Binti Zulkifli daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris

Terima kasih tidak terhingga juga saya ucapkan kepada Encik Goh Bak Yan, Pengarah Urusan AGCO GSI Sdn. Bhd. yang merupakan penaja utama Pertandingan Permainan Hijau Sekolah Piala Datuk Bandar 2020.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berusaha Pengarah Jabatan Pendidikan Pulau Pinang; guru-guru dan peserta-peserta yang terdiri dari murid-murid sekolah, tuan-tuan dan puan-puan dalam bersama-sama memeriahkan majlis kita pada petang yang barakah ini.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Bertepatan dengan isu Covid-19, pertandingan ini amat sesuai diadakan memandangkan anak-anak sekolah sekarang berada di rumah. Justeru, bagi memenuhi masa lapang, anak-anak bolehlah menyertai pertandingan ini.

Pertandingan Permainan Pendidikan Hijau Digital Sekolah (Sukan Elektronik Pendidikan Hijau / *E-Sports Green Education Games*) Piala Datuk Bandar 2020 merupakan tahun kedua program ini diadakan di Seberang Perai. Pertandingan ini ialah dengan kerjasama Univiversiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang serta ditaja oleh AGCO GSI (M) Sdn Bhd di kawasan Perindustrian Bukit Minyak.

Matlamat pertandingan adalah untuk:-

- i. Menerapkan permainan digital sebagai satu alat pendidikan hijau serta membantu mencapai kemenjadian murid dalam

kokurikulum penglibatan menyeluruh dan penyertaan berkualiti

kokurikulum - aktiviti kelab / persatuan / badan beruniform.

- ii. Membantu kemenjadian murid dalam sahsiah - mengawal murid bermain *video games* yang kurang berfaedah bermula dari generasi murid untuk gaya hidup lestari.
- iii. Konsep *reward score* sebagai motivasi dan persaingan kepada pelajar dan sekolah, penerapan budaya kerja berpasukan dan *coaching & monitoring* kepada guru.
- iv. Hasil akhir adalah sesuatu yang memberi impak dari sudut pendidikan, ekonomi dan kelestarian kawasan sekolah.

Jika kita melihat ke belakang, Program atau Pertandingan Permainan Pendidikan Hijau Digital Peringkat Sekolah dilancarkan buat pertama kalinya pada 13 April 2019 di Menara MBSP. Ianya telah menarik penyertaan daripada 153 sekolah iaitu 108 sekolah rendah dan 45 sekolah menengah. Jumlah murid yang menyertai permainan (*e-games*) telah mencapai seramai 3,471 murid. Sebanyak sembilan (9) sekolah iaitu enam (6) sekolah menengah dan tiga (3) sekolah rendah telah berjaya menyertai pertandingan akhir yang diadakan pada 6 November 2019.

Pemenang-pemenang bagi pertandingan kali ini akan membawa pulang hadiah wang tunai dan sijil kepujian di mana Johan pertandingan akan mendapat hadiah wang tunai sebanyak RM800.00 dan sijil kepujian; Naib Johan akan mendapat wang tunai sebanyak RM600.00 dan sijil kepujian; dan tempat Ketiga mendapat wang tunai sebanyak RM400.00 dan sijil kepujian.

Bagi murid-murid sekolah rendah dan menengah yang memenangi setiap kategori permainan iaitu *compost hero*, *ocean clean up* dan *rubbish war* akan mendapat hadiah seperti berikut:-

Johan: RM200.00

Kedua: RM100.00

Ketiga: RM50.00

Pertandingan ini terbuka kepada sekolah-sekolah di Seberang Perai sahaja. Semua murid akan mendapat sijil penyertaan dan murid yang mencapai prestasi cemerlang akan diberi lencana penghargaan. Ujian percubaan akan mula diadakan hari ini iaitu 5 Jun 2020 hingga 31 Julai 2020, manakala pertandingan atas talian akan bermula 1 Ogos 2020 hingga 31 Oktober 2020.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta Pertandingan Permainan Hijau Digital Sekolah Piala Pusingan Datuk Bandar. *"Knowledge Is Power"*. Jangan kerana hadiah, anak-anak masuk ke dalam program ini tetapi biarlah kerana kita ingin mencari ilmu, mewujudkan kesedaran dan rasa tanggungjawab kerana ianya akan menjadi lebih bermakna. Semoga usaha ini akan memberikan manfaat berterusan kepada kita semua dan berharap agar segala ilmu pengetahuan dan maklumat yang diperolehi dalam permainan ini dapat diamalkan secara praktikal di sekolah-sekolah dan juga di rumah. Juga saya ingin ucapan Syabas dan Tahniah kepada pemenang yang akan memenangi pertandingan ini.

Terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon di Seberang Perai menjelang tahun 2022. Terima kasih sekali lagi kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang; Profesor Madya Dr.

Che Zalina Binti Zulkifli daripada Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Jabatan Komputeran, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim dan pasukan beliau; guru-guru dan peserta-peserta yang terdiri dari murid-murid sekolah, tuan-tuan dan puan-puan atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan program Pendidikan Pendidikan Hijau Sekolah Digital ini. Kepada para murid yang mengambil bahagian, saya mengharapkan agar anda semua meneruskan usaha murni anda dalam penjagaan alam sekitar.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, ingin saya ingatkan semua terutama anak-anak sekolah, jangan lupa mengamalkan penjarakkan sosial, pemakaian *hand sanitizer* dan *face mask* untuk memutuskan rantai penyakit berbahaya ini. Jangan berhimpun dan terdedah dengan aktiviti yang melibatkan orang ramai berkumpul.

Saya mendoakan agar kita semua terus cekal, tabah dan marilah sama-sama kita mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini agar penularan wabak ini dapat dihentikan. Marilah sama-sama kita

berdoa agar Pulau Pinang dan Negara kita Malaysia akan kembali sihat seperti sediakala dan kita dapat menjalankan rutin harian seperti biasa.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.